

## KENYATAAN MEDIA

### JELAS CUKAI TAKSIRAN SETAHUN PELUANG MENANG HADIAH MISTERI.

Semua pemilik harta di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya diminta untuk menjelaskan cukai taksiran mereka **pada atau sebelum 29 Februari 2012 (hari Rabu)** untuk mengelakkan sebarang **BAYARAN TAMBAHAN** dikenakan.

Pihak Majlis telah menghantar melalui pos semua bil Cukai Taksiran bagi setengah tahun Pertama ( **Januari hingga Jun 2012** ) untuk 218,251 pemegang harta yang melibatkan jumlah cukai semasa dan tunggakan berjumlah RM 142.9 juta.

Sekiranya ada pemegang harta yang masih tidak menerima bil taksiran, mereka dinasihatkan untuk datang ke Pejabat Jabatan Perbendaharaan, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya untuk mendapatkan salinan, dan seterusnya menjelaskan bayarannya di kaunter Pembayaran Utama Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Pemegang Harta yang masih belum menjelaskan cukai taksiran adalah diingatkan supaya berbuat demikian

Bagi memudahkan pemegang harta menjelaskan bayaran, bayaran boleh dijelaskan di beberapa lokasi yang ditetapkan melalui cara seperti berikut:-

| Bil | Lokasi                                                       | Cara bayaran          | Waktu Kaunter dibuka/ tempoh bayaran / jenis bayaran                                                                           |
|-----|--------------------------------------------------------------|-----------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya                       | Kaunter Utama         | Pukul 7.30 pagi hingga 5.30 Petang ( Isnin – Jumaat )<br>(tunai, cek, wang pos, kiriman wang pos dan kad kredit /charge card)  |
|     |                                                              | Tingkat 3 Menara MBPJ | Pukul 7.30 pagi hingga 5.30 Petang (Isnin – Jumaat)<br>(tunai, cek, wang pos dan kiriman wang pos sahaja)                      |
|     |                                                              | Kaunter Pandu Masuk   | Pukul 8.30 pagi hingga 4.00 Petang ( Isnin – Jumaat )<br>(tunai, cek, wang pos, kiriman wang pos dan kad kredit / charge card) |
| 2   | Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah /Daerah di | Kaunter bayaran       | Mengikut masa kaunter dibuka di PBT / Pejabat Tanah /Daerah masing-masing                                                      |

| <b>Bil</b> | <b>Lokasi</b>               | <b>Cara bayaran</b>                                                                                                                                          | <b>Waktu Kaunter dibuka/ tempoh bayaran / jenis bayaran</b>                                                                 |
|------------|-----------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|            | Negeri Selangor             |                                                                                                                                                              |                                                                                                                             |
| 3          | Kaunter Agensi Setempat     | Kaunter Bayaran :<br>Pejabat Pos (KL dan PJ sahaja)<br>TNB<br>TM Point<br>SYABAS<br>DBKL                                                                     | Mengikut masa kaunter dibuka pejabat masing-masing.<br>Bayaran tunai sahaja<br>Sepanjang Jan – Feb dan Julai – Ogos sahaja. |
| 4.         | Bank                        | Kaunter Bayaran :<br>Eon bank<br>Am Bank,<br>Bank Rakyat                                                                                                     | Tunai sahaja                                                                                                                |
| 5          | Kaunter Bergerak EZPAY MBPJ | Di Lokasi yang telah dikenalpasti seperti dalam jadual                                                                                                       | Seperti Jadual di bawah                                                                                                     |
| 6          | Arahan Tetap                | Auto Billing American Express<br>Autopay SBB (CIMB)<br>Autodebit Citibank<br>Directdebit OCBC                                                                |                                                                                                                             |
| 7.         | Internet banking            | M2U,<br>UOB Pay online<br>MBFclik&pay<br>Citibank online<br>Ambank online<br>RHB online<br>HSBC online<br>Eon Bank online<br>Bankrakyat online<br>Pos online | 24 jam sehari                                                                                                               |
| 8.         | Laman Web Majlis            | <a href="mailto:epay@mbpj.gov.my">epay@mbpj.gov.my</a>                                                                                                       | 24 jam sehari                                                                                                               |

Untuk memudahkan lagi bayaran cukai taksiran, di sepanjang bulan Januari dan Februari 2012 waktu Kaunter Utama di buka akan dilanjutkan kepada masa seperti berikut :-

| <b>WAKTU BIASA</b> |                      | <b>WAKTU TAMBAHAN</b> |                      |
|--------------------|----------------------|-----------------------|----------------------|
| <b>Hari</b>        | <b>Waktu kutipan</b> | <b>Hari</b>           | <b>Waktu kutipan</b> |
| Isnin – Jumaat :   | 7.30pg – 5.30ptg     | Isnin – Jumaat :      | 5.30ptg – 6.00ptg    |
| Sabtu :            | Tutup                | Sabtu :               | 9.00 pg – 4.00ptg    |

| WAKTU BIASA                        |                | WAKTU TAMBAHAN                     |                                        |
|------------------------------------|----------------|------------------------------------|----------------------------------------|
| Ahad :                             | Tutup          | Ahad :                             | 9.00 pg – 4.00ptg                      |
| Cuti Am : 06/2/2012<br>: 07/2/2012 | Tutup<br>Tutup | Cuti Am : 06/2/2012<br>: 07/2/2012 | 9.00 pg – 4.00ptg<br>9.00 pg – 4.00ptg |

Sebagai makluman tarikh, lokasi dan waktu **Kaunter Bergerak EZPAY** akan dibuka seperti berikut:-

| TEMPAT                                                                                                                                        | HARI            | TARIKH                  | MASA                |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|-------------------------|---------------------|
| 1) Jalan Cecawi 6/19A, PB 6 Kota Damansara (Hadapan Restoran Jasima)                                                                          | Rabu - Jumaat   | 01.02.2012- 03.02.2012  | 10.00 pg – 3.00 ptg |
|                                                                                                                                               | Sabtu           | 04.02.2012              | 9.30 pg – 3.00 ptg  |
| 2) Jalan Cecawi 6/33, PB 6 Kota Damansara (Berhampiran 7 eleven)                                                                              | Ahad            | 05.02.2012              | 9.30 pg – 3.00 ptg  |
|                                                                                                                                               | Isnin - Selasa  | 06.02.2012 – 07.02.2012 | 9.30 pg – 3.00 ptg  |
| 3) Sekitar Giat PJU5                                                                                                                          | Rabu - Jumaat   | 08.02.2012 – 10.02.2012 | 10.00 pg – 3.00 ptg |
|                                                                                                                                               | Sabtu – Ahad    | 11.02.2012 – 12.02.2012 | 9.30 pg – 3.00 ptg  |
| 4) PJU9, Prima Damansara                                                                                                                      | Isnin – Jumaat  | 13.02.2012 – 17.02.2012 | 10.00 pg – 3.00 ptg |
| 5) Jalan SD 2/1G, Bandar Sri Damansara (Hadapan Kedai Tayar STH Auto Services Centre)                                                         | Sabtu – Ahad    | 18.02.2012 – 19.02.2012 | 9.30 pg – 3.00 ptg  |
|                                                                                                                                               | Isnin – Rabu    | 20.02.2012 – 22.02.2012 | 10.00 pg – 3.00 ptg |
| 6) PJU 10, Damansara Damai, Terminal Bas Wan's Central (Belakang Stesen Minyak Shell) (Diselaraskan dengan minggu kempen membayar cukai 2012) | Khamis - Jumaat | 23.02.2012 – 24.02.2012 | 10.00 pg – 3.00 ptg |
|                                                                                                                                               | Sabtu – Ahad    | 25.02.2012 – 26.02.2012 | 9.30 pg – 3.00 ptg  |
|                                                                                                                                               | Isnin - Rabu    | 27.02.2012 – 29.02.2012 | 10.00 pg – 3.00 ptg |

Pihak Majlis ingin memaklumkan kepada sesiapa yang menjelaskan pembayaran melalui sistem atas talian (online), ini akan melayakkan mereka untuk menyertai peraduan cabutan bertuah dan seterusnya memenangi pelbagai hadiah menarik. Cabutan bertuah ini hanya terbuka kepada mereka yang membuat bayaran setahun sekaligus dan setiap pembayaran haruslah mempunyai salinan resit bayaran yang dicetak sendiri.

Di harapkan dengan adanya pemakluman ini, ia dapat memberikan kemudahan kepada orang awam untuk berurusan dengan pihak Majlis. Sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi atau ke Jabatan Perbendaharaan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat bawah, IbuPejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor di talian 03 7956 3544 samb. 102/103/106/109. Orang ramai juga boleh melayari laman web Majlis [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my).

Di sediakan oleh:

**Sekretariat Media**

**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : pjcitycouncil, emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my)  
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :  
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my)  
Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884,  
[ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)